



**STANDARD OPERATING PROCEDURE
(SOP)**

(PEMEGANG LESEN)

PENGIKRARAN DAN PEMBAYARAN
CUKAI PERKHIDMATAN DAN CUKAI JUALAN
SECARA *ONLINE*

DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN PENGURUSAN DAN PEMUNGUTAN
BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT

TARIKH
28 Januari 2014

1. PENGENALAN

CJP *Online* adalah sistem pengiklanan penyata CJP No. 1 dan pembayaran Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan secara *online*.

1.1 TERMINOLOGI

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	CDN	Cukai Dalam Negeri
2.	CPH	Cawangan Perakaunan Hasil
3.	CTM	Cawangan Teknologi Maklumat
4.	Penyata CJP No.1	Penyata bayaran Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
5.	Pemegang lesen	Syarikat atau orang yang dilesenkan di bawah seksyen 13 Akta Cukai Jualan 1972 dan seksyen 8 Akta Cukai Perkhidmatan 1975
6.	<i>Nil Return</i>	Penyata CJP No.1 yang tidak melibatkan bayaran
7.	<i>Administrator ID</i>	Pentadbir <i>ID</i> syarikat yang dipertanggungjawabkan menjana <i>ID</i> pengguna
8.	<i>User ID</i>	<i>ID</i> pengguna yang dijana oleh <i>Administrator</i>
9.	<i>System FPX</i>	Kaedah bayaran secara <i>online</i>
10.	LAMPIRAN A	Permohonan <i>ID CJP Online</i> (Pemegang lesen)
12.	LAMPIRAN B	Manual Pengguna <i>CJP Online</i>
13.	LAMPIRAN C	Tuntutan Pulang Balik (<i>Refund</i>)

1.2 TUJUAN

Garis panduan kepada pemegang lesen untuk mengikrar dan membuat pembayaran secara *online*.

1.3 FAEDAH SISTEM CJP ONLINE

- Menjimatkan kos dan masa.
- Mengurangkan kesesakan di kaunter.
- Meningkatkan keberkesanan pembayaran cukai.
- Memberi keselesaan dan kemudahan daripada aspek pengikraran dan pembayaran cukai dilakukan.

1.4 PENGIKRARAN DAN PEMBAYARAN

- Pengikraran penyata CJP No. 1 dan pembayaran cukai boleh diakses melalui portal <https://cjponline.customs.gov.my> dengan capaian *Internet Explorer Version 8.0* dan ke atas.

1.5 SKOP

- SOP ini menerangkan tatacara proses pembayaran Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan melalui Sistem CJP *Online* bermula daripada pengikraran penyata CJP No. 1 oleh pemegang lesen.
- SOP ini merangkumi *Fallback Procedures* yang bermaksud kaedah atau cara alternatif yang boleh digunakan jika proses pembayaran Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan tidak dapat dilakukan atas sebab-sebab tertentu misalnya sistem tergendala (*System Down*).

2. PENDAFTARAN MENGGUNAKAN APLIKASI SISTEM CJP ONLINE

- 2.1 Pemohon hendaklah terdiri daripada pemegang lesen Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan yang telah sedia ada di dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK).
- 2.2 Pemegang lesen hendaklah hadir untuk pendaftaran ke Cawangan Kawalan Pungutan Bahagian Cukai Dalam Negeri di mana lesen Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan dikeluarkan.
- 2.3 Pemegang lesen hendaklah membawa bersama surat kuasa dan salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (Borang 9) yang dikeluarkan oleh SSM.
- 2.4 Pemegang lesen juga wajib mengisi **Borang Permohonan ID** seperti di **LAMPIRAN A**.
- 2.5 Ahli Lembaga Pengarah (*DIRECTOR*) syarikat atau orang yang diberi kuasa (*AUTHORIZED PERSON*) sahaja akan dibekalkan dengan *ID* Pengguna (*ADMINISTRATOR*).
- 2.6 *ADMINISTRATOR* syarikat dibenarkan menjana maksimum 5 *USER ID*.
- 2.7 Pemegang lesen yang telah didaftarkan akan dibekalkan dengan *ID* Pengguna (*USER ID*), katalaluan (*PASSWORD*) dan salinan **LAMPIRAN A**.
- 2.8 *ADMINISTRATOR* adalah bertanggungjawab terhadap pegawai syarikat yang telah dilantik sebagai pengguna CJP Online.
- 2.9 *ADMINISTRATOR* boleh membuat penyelenggaraan *USER ID* seperti *CREATE*, *DELETE*, *UPDATE* dan *SUSPEND*.

2.10 *ADMINISTRATOR* dibenarkan mengemaskini maklumat syarikat seperti no. telefon, no. faks dan alamat emel.

3. PENGIKRARAN PENYATA CJP1

- 3.1 Pemegang lesen boleh mengakses ke laman portal <https://cjp-online.customs.gov.my> dengan menggunakan *USER ID* dan katalaluan yang telah didaftar.
- 3.2 Tatacara pengikraran penyata CJP No. 1 dan pembayaran cukai adalah merujuk **LAMPIRAN B** (Manual Pengguna CJP *Online*).
- 3.3 Pengikraran borang boleh dibuat pada bila-bila masa (23/7).
- 3.4 Pengikraran penyata tanpa bayaran dianggap tiada pembayaran diterima dan dikenakan penalti selepas tamat tempoh bercukai dan akan dipaparkan di dalam sistem sebagai **BELUM BAYAR**.
- 3.5 Penyata ***NIL RETURN*** juga boleh dihantar secara *online* dan akan dipaparkan di dalam sistem sebagai **TIADA BAYARAN**.
- 3.6 Penyata berstatus ***DRAFT*** boleh dibuat pindaan.
- 3.7 Penyata berstatus ***SUBMITTED*** tidak boleh dipinda.
- 3.8 Sekiranya pemegang lesen ingin memohon menggunakan kemudahan sistem kredit (CJ10), kelulusan di stesen di mana lesen Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan dikeluarkan diperlukan terlebih dahulu sebelum pengikraran penyata CJP No. 1 dilakukan melalui Sistem CJP *Online*.

4. PEMBAYARAN ONLINE

- 4.1 Pemegang lesen boleh membuat pembayaran melalui Portal CJP *Online*. Pemegang lesen perlu mempunyai akaun dengan bank yang menjadi ahli berdaftar dengan *Financial Process Exchange (FPX)*.
- 4.2 Pembayaran yang melewati daripada tempoh bercukai akan dikenakan penalti mengikut peraturan yang telah sedia ada.
- 4.3 Pemegang lesen boleh mencetak penyata CJP No. 1 di premis masing-masing. Pemohonan cetakan penyata CJP No. 1 di kaunter bayaran CDN akan dikenakan bayaran sebanyak RM 3.00.

5. PERMOHONAN PULANG BALIK (*REFUND*)

- 5.1 Jika berlaku pembayaran dua (2) kali, pihak pemegang lesen boleh membuat permohonan pulangbalik kepada Cawangan Perakaunan Hasil (CPH) di negeri masing-masing.
- 5.2 CPH negeri akan mengemukakan permohonan melalui surat, emel dan faks kepada Unit Pungutan, CPH Ibu Pejabat untuk pengesahan bayaran seperti di **LAMPIRAN C** bersama dokumen sokongan berikut :
 - 5.2.1 Surat permohonan daripada pemegang lesen.
 - 5.2.2 Maklumat bayaran dua (2) kali bagi No. Pendaftaran Penyata CJP No. 1, *ID* transaksi *FPX*, amaun dan tarikh.
 - 5.2.3 Resit rasmi kerajaan (*COR*); dan
 - 5.2.4 Salinan Penyata Akaun Bank pemegang lesen yang berkenaan.

- 5.3 Surat pengesahan bayaran dua (2) kali akan dihantar kepada CPH negeri.
- 5.4 Pembayaran pulangan boleh dilakukan selepas menerima jawapan pengesahan.

6. FALLBACK PROCEDURES

- 6.1 Pengikraran yang telah berjaya dibuat tetapi gagal untuk membuat bayaran melalui sistem CJP *Online* hendaklah mencetak penyata CJP No.1 dan membuat pembayaran secara tunai, cek, *cashiers order* dan *bank draft* di kaunter pungutan CDN.
- 6.2 Apabila status pembayaran *Successfull* di portal bank, manakala status di Sistem CJP *Online* masih kekal dengan status *Submitted*, pihak pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada stesen CDN negeri berserta maklumat pembayaran (*FPX Transaction ID*).

Disahkan Oleh:



(SUBROMANIAM A/L THOLASY)

Pengarah Kastam

Bahagian Cukai Dalam Negeri

Ibu Pejabat